

# **BAB 5**

## **PENUTUP**

## 5.1 Penutup

Di dalam bab ini, perbincangan adalah berdasarkan rumusan dan kesimpulan menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan. Semoga rumusan dan kesimpulan ini dapat memberi inspirasi kepada pihak yang terlibat untuk memajukan lagi industri kereta nasional dalam menghadapi cabaran AFTA.

## 5.2 Rumusan

Proton dan Perodua bukan hanya memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara, malahan ia telah membantu dalam mencapai matlamat negara untuk menjadi sebuah negara perindustrian. Kini, Malaysia boleh berbangga dengan kejayaannya kerana mampu mengeluarkan kereta-kereta buatan tempatan seperti Proton Wira, Proton Waja, Proton Perdana, Kelisa, Kancil, Kembara dan sebagainya.

Industri kereta nasional merupakan antara tulang belakang dalam mempercepatkan proses industrialisasi dan merealisasikan Wawasan 2020. Industri kereta nasional juga adalah penting kepada negara kita kerana sumbangannya yang besar dari segi kewangan dan perkembangan teknologi. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan sebahagian daripada kejayaan yang

dicapai oleh industri kereta nasional pada masa ini adalah disebabkan oleh dasar perlindungan kerajaan. Namun adakah kejayaan ini dapat terus dikekalkan apabila AFTA diimplementasikan ?

Seperti yang telah dibincangkan, apabila polisi AFTA dilaksanakan, industri kereta nasional akan menghadapi persaingan yang sengit daripada syarikat-syarikat automotif asing. Oleh itu, dijangkakan jumlah jualan kenderaan industri kereta nasional akan berkurang sebanyak 35% menjelang AFTA. Ia hanya akan mampu menguasai kurang daripada 50% pasaran berbanding dengan 93% pada tahun 2001. Sekiranya, jumlah jualan ini berkurang maka adalah sukar untuk industri kereta nasional menikmati ekonomi skel dan segala usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran seunit kereta pula akan terjejas. Dalam pada itu, ia adalah sukar bagi industri kereta nasional menurunkan harga kereta tanpa mengurangkan kos pengeluarannya. Justeru itu, harga kereta import akan menjadi lebih murah daripada harga kereta nasional dan ini akan menjejaskan pendapatan industri kereta nasional. Kekurangan pendapatan akan mengurangkan inisiatif industri kereta nasional untuk melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang memerlukan perbelanjaan yang besar.

AFTA juga akan menyebabkan permintaan ke atas kereta import meningkat berbanding dengan kereta nasional. Ini akan menjejaskan kedudukan

imbangan pembayaran serta pendapatan negara kerana cukai import yang tinggi merupakan salah satu sumber pendapatan negara. Oleh itu, sebelum melaksanakan strategi-strategi bagi menyahut cabaran AFTA, industri kereta nasional perlu mengesan kelemahannya terlebih dahulu.

Daripada penyelidikan yang telah dijalankan, penulis berpendapat bahawa masih terdapat banyak lagi kelemahan dan kekurangan dalam industri kereta nasional untuk menghadapi cabaran AFTA. Antara kelemahan yang ketara ialah kurangnya tumpuan yang diberikan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Di mana, industri kereta nasional masih mempunyai masalah kekurangan kepakaran teknologi yang canggih untuk menghasilkan model-model yang menarik serta berkualiti. Malahan, terdapat komponen-komponen yang tertentu masih diimport dari Jepun dan ini merupakan salah satu punca kos pengeluaran bagi industri kereta nasional adalah tinggi. Selain itu, industri kereta nasional masih lagi menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir dalam bidang automotif. Selain itu, industri kereta nasional juga mempunyai pasaran eksport yang terhad. Adalah tidak berfaedah sekiranya kapasiti keluaran kereta terus meningkat dari tahun ke tahun manakala pasaran adalah terhad. Oleh itu, industri kereta nasional perlu cuba mengatasi segala kelemahan ini.

### 5.3 Kesimpulan

Bagi memastikan industri kereta nasional mampu bersaing dengan kereta-kereta import apabila AFTA dilaksanakan, Perodua dan Proton perlu memberi banyak tumpuan terhadap **Penyelidikan dan Pembangunan**. Penyelidikan dan Pembangunan adalah penting untuk meningkatkan lagi teknologi dan kemahiran para pekerjanya. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan ini perlu untuk menghasilkan kereta-kereta yang berkualiti tinggi dan bergaya dengan harga yang berpatutan. Pengeluaran kereta dengan kos yang rendah dan berkualiti tinggi penting bagi memastikan kereta-kereta yang dikeluarkan oleh industri kereta nasional mampu bersaing dengan kereta-kereta import yang lain menjelang AFTA.

Secara global, industri kereta telah mengalami pelbagai kemajuan dan pembaharuan dari segi “design” dan teknologi. Pengeluar alat-alat dan komponen kereta juga harus memastikan kualitinya sejajar dengan kandungan teknologi kereta-kereta yang dikeluarkan. Jelas bahawa penekanan terhadap usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan meningkatkan tahap teknologi dan kualiti, terutamanya dalam penggunaan robotics untuk mencapai tahap kejituan yang setinggi mungkin.

Selain itu, industri kereta nasional juga perlu memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk melahirkan guna tenaga yang berkemahiran tinggi. Walaupun Proton telah berjaya menghasilkan enjin buatan sendiri dengan bantuan jurutera-jurutera tempatan, namun ia harus meneruskan usahanya untuk menghasilkan enjin yang berkuasa tinggi dan setanding dengan enjin-enjin buatan syarikat asing. Untuk mencapai matlamat ini, industri kereta nasional memerlukan lebih ramai jurutera yang pakar dalam bidang teknologi. Oleh itu, industri kereta nasional tidak boleh hanya mengharap bantuan daripada pihak kerajaan dan Jepun untuk menyediakan gunatenaga yang berkemahiran tinggi. Malahan, ia boleh menubuhkan institusi latihan dan kemahiran bagi menghasilkan tenaga buruh yang mahir dan cekap. Sekiranya, Perodua ataupun Proton mendapati kos adalah tinggi untuk melaksanakan program ini ia boleh bergabung dengan syarikat-syarikat kereta yang lain untuk menjayakan program ini.

Pihak kerajaan juga menggalakkan para usahawan industri pembuatan komponen kereta untuk menyertai AICO (Asean Industries Cooperation Organisation). AICO merupakan satu organisasi yang bertujuan untuk menggalakkan industri-industri yang terdapat di rantau Asean untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam mengeluarkan produk-produk mereka. Jesteru itu, kerajaan menggalakkan industri pembuatan komponen kereta untuk menyertai AICO kerana melalui kerjasama ini, industri-industri komponen tempatan dapat

mempelajari selok-belok industri-industri komponen di negara lain di Asean terutama industri komponen kereta di Thailand.

Melalui kerjasama ini, industri komponen tempatan boleh mengkhusus dalam mengeluarkan jenis komponen yang mereka cekap dan mengimport dari rakan-rakan ASEAN bagi komponen-komponen yang tidak mahir dikeluarkan oleh industri komponen tempatan. Terdapat juga komponen-komponen yang diimport di bawah AICO ini adalah lebih murah daripada mengeluarkannya dengan sendiri di kilang tempatan.

Akhir sekali, secara keseluruhannya, didapati industri kereta nasional merupakan satu industri yang amat penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan serius dalam menghadapi cabaran AFTA. Oleh itu, pihak kerajaan dan pihak swasta perlu bekerjasama dan saling membantu untuk memastikan industri kereta nasional mampu bersaing menjelang AFTA.